

PELAKSANAAN IBADAH DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI MURID**[IMPLEMENTATION OF IBADAH IN FORMING STUDENT IDENTITY]**ZUNAH NUR SYAFIQAH ZAIHAN^{1*} & KHAIDIJAH ABDUL RAZAK¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Corespondent Email: p105159@iswa.ukm.edu.my

*Received: 25 March 2022**Accepted: 11 April 2022**Published: 20 April 2022*

Abstrak: Perlaksanaan ibadah merupakan elemen penting bagi memenuhi keperluan beragama. Sejajar dengan kebangkitan agama Islam pada masa ini, perlaksanaan ibadah yang betul dan berterusan sedikit sebanyak boleh mempengaruhi kehidupan seseorang individu. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan ibadah khusus harian murid serta kesannya terhadap jati diri murid. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 50 orang murid yang dipilih secara persampelan rawak dalam kalangan murid tahap 2 di sebuah sekolah rendah agama di Kluang, Johor. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan ibadah khusus harian murid adalah berada pada tahap yang tinggi. Kajian turut mendapati pelaksanaan ibadah khusus mempengaruhi pembentukan jati diri murid. Ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan ibadah khusus murid berdasarkan dua elemen iaitu solat fardu dan berdoa berdasarkan faktor jantina. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada murid dalam meningkatkan tahap pelaksanaan ibadah khusus harian.

Kata kunci: Pelaksanaan; ibadah; pembentukan; jati diri.

Abstract: The implementation of Ibadah is an important element to fulfill the religious needs. A par with the rise of Islam today, the proper implementation of ibadah can forming people identi-ty. This study aimed to identify the effectiveness of the implementation of ibadah in forming student identity. A questionare was used as research instrument. The sample of this study consisted of 50 students randomly selected among level 2 students in a religious primary school in Kluang, Johor. The data was analyzed by using SPSS. The findings of the study showed the implementation of students ibadah is on the high level. The findings also showed that implementation of ibadah is affected to student identity. Independent t-test showed there were significant differences between levels of implementation of ibadah based on two elements which is solat fardhu and praying based on their gender. This study expected to guide students in improving the level of implementation of their ibadah.

Keywords: Implementation; ibadah; forming; student identity.

Cite This Article:

Zunah Nur Syafiqah Zaihan & Khadijah Abdul Razak. (2022). Pelaksanaan Ibadah Dalam Pembentukan Jati Diri Murid [Implementation of Ibadah in Forming Student Identity]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), 68-79.

PENGENALAN

Perkembangan ciri keislaman dalam diri seorang manusia itu terjadi bermula sejak kecil lagi dalam persekitaran keluarga, pendidikan di sekolah dan kehidupan bermasyarakat (Hestu, 2018). Semakin banyak seorang individu didedahkan dengan keperluan beragama, semakin banyak ia mempengaruhi kehidupannya dalam aspek fizikal dan kerohanian. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam pada masa kini perlu seimbang antara dunia dan akhirat. Pendidikan Islam sangat penting sebagai asas dan panduan kehidupan manusia mengikut peredaran zaman serta membina akhlak dan jiwa murid. (Nurul et al., 2021). Jika kaedah dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam ini terarah maka keperibadian dan akhlak murid itu dapat dibentuk dan dijadikan sebagai bekalan mereka menempuh kehidupan akan datang (Mardiana et al., 2019). Oleh itu, penerapan nilai keislaman di sekolah agama merupakan salah satu usaha mengembangkan pendidikan yang berpaksikan Islam. Asas agama yang diterapkan di rumah akan dikembangkan dan berkesinambungan semasa pembelajaran di sekolah.

Dalam menjadikan pelaksanaan ibadah itu satu cara hidup, secara tidak langsung memberi kesedaran kepada murid terhadap pentingnya ibadah dalam mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Murid dan ibu bapa beranggapan penghayatan keislaman ini sekadar perbincangan biasa tanpa perlu pelaksanaan dan penghayatan yang mendalam (Kamaizun & Kamariah, 2017). Namun sebenarnya pelaksanaan dalam beribadah itu penting kerana ia memberi impak yang besar kepada kehidupan individu kelak. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Wan Nornajmiwati dan Asri (2019) serta Noorkhairilhuda (2017), pelaksanaan dalam beribadah itu membentuk jiwa dan disiplin seseorang individu. Menurut Nur Fariyah dan Khazri (2020), Pendidikan Islam perlu mengambil kira aspek amalan ibadah dan pelaksanaannya bagi membentuk disiplin dan jati diri murid di sekolah. Oleh itu, jati diri seseorang amat berkait rapat dengan pelaksanaan ibadah mereka.

Menurut Abdullah (2019), didapati pelaksanaan ibadah khusus seperti solat fardhu, puasa di bulan Ramadhan, membaca Al-Quran, berzikir dan berdoa dalam kalangan murid masih di tahap sederhana. Selain itu, merujuk dapatan kajian Nurzatil dan Zulkifli (2018) terhadap pengaruh pelaksanaan ibadah terhadap jati diri murid juga masih ditahap yang sederhana. Memandangkan kajian lepas mengfokuskan tentang faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadah khusus, maka keadaan ini mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian ini.

Merujuk kepada permasalahan yang wujud dalam dapatan kajian lepas telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian bagi mengukur sejauh mana pelaksanaan ibadah khusus harian murid di sebuah sekolah rendah agama yang terletak Kluang Johor ini dapat mempengaruhi jati diri murid. Melalui pelaksanaan ibadah juga menjadikan asas kepada penciptaan manusia sebagai hamba Allah SWT. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada ibadah khusus yang wajib dilakukan oleh murid dalam kehidupan seharian mereka dan bagaimana pelaksanaan ibadah ini akan memberi impak kepada kehidupan seorang murid dari segi mental, fizikal dan sikap mereka.

KAJIAN LITERATUR

Ibadah dan Pembentukan jati diri

Arfah (2017) menyatakan Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran bahawa manusia tidak dicipta melainkan untuk beribadah dan menghambakan diri kepada Allah SWT dengan mendirikan solat, menunaikan zakat serta mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa penciptaan manusia itu adalah dengan sebuah tujuan yang besar yang sangat istimewa berbeza dengan makhluk yang lain.

Pelaksanaan ibadah merupakan elemen terpenting dalam ajaran Islam. Ia juga meninggalkan kesan yang sangat besar kepada orang Islam (Nurzatil & Zulkifli, 2018). Menurut Muhammad Fikri (2017), pelaksanaan ibadah itu perlu dititik beratkan terutamanya dalam sistem pendidikan di sekolah. Pelaksanaan ibadah yang sempurna dapat melahirkan kesedaran dalam diri seseorang tentang fungsi ibadah dalam mengubah kehidupan seseorang. Menurut Nur Fariyah dan Khazri (2020), jika seseorang tidak melaksanakan ibadah dengan sempurna, keteguhan dan keimanan dalam diri akan berkurangan serta merosakkan keperibadian seseorang.

Proses mendidik untuk melaksanakan ibadah ini mengambil masa yang lama untuk sebatи dalam jiwa seseorang. Menurut Mardiana et al., (2019), pembelajaran ibadah merangkumi perbuatan, percakapan, perlakuan, pengetahuan dan kesedaran. Ianya memerlukan masa yang lama untuk sebatи dalam jiwa seseorang untuk terus melakukannya dan menghayatinya dalam kehidupan. Namun menurut Nor Hayati et al., (2018), perbezaan penghayatan beribadah manusia itu bergantung kepada persekitaran tempat mereka berada. Jika persekitaran seseorang itu baik, maka mereka cenderung melakukan kebaikan. Begitu juga sebaliknya sekiranya persekitaran mendorong ke arah keburukan, maka mereka akan terpengaruh dengan keburukan.

Pelaksanaan dalam ibadah memberi maksud menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Islam secara ikhlas dan tidak dipaksa (Noorkhairilhuda, 2017). Pelaksanaan ibadah juga merupakan perlakuan ibadah yang memberi kebaikan dalam kehidupan seorang muslim secara mental dan fizikal yang menjadikan mereka lebih dekat dengan Allah SWT (Nor Hayati et al., 2018). Manakala Ashif (2020) berpandangan, pelaksanaan ibadah seseorang dapat dipertingkatkan melalui pertambahan ilmu dan mempraktikkan apa yang dipelajarinya

Secara fitrahnya, sikap manusia itu adalah mengikut yang lain sama ada mendapat manfaat daripadanya mahupun mendapat kemudharatan (Nur Fariyah & Khazri, 2020). Menurut Norkhairilhuda (2017), manusia itu cenderung terpengaruh dengan sesuatu sama ada gerak geri mahupun gaya hidup lebih-lebih lagi golongan remaja yang mempunyai sifat ingin mencuba sesuatu yang baru. Pemilihan contoh teladan yang baik akan memberi pengaruh yang baik kepada seseorang. Sebagai contoh, para sahabat sering menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan (Ashif, 2020). Oleh yang demikian, semangat juang Nabi SAW sentiasa tersemat dalam jiwa para sahabat walaupun Nabi Muhammad SAW telah wafat (Kamaizun & Kamariah, 2017). Menurut Nor Hayati et al., (2018), pada zaman dahulu ramai tokoh-tokoh keislaman yang diceritakan didalam al-Quran yang boleh dijadikan contoh teladan dalam kehidupan seseorang. Menurut Ashif (2020), seseorang individu akan memilih contoh teladan mengikut kecenderungan diri mereka.

Namun menurut Nor Hayati et al., (2018), perbezaan pelaksanaan beribadah manusia itu juga bergantung kepada persekitaran tempat mereka berada. Jika persekitaran seseorang itu baik, maka mereka cenderung melakukan kebaikan. Begitu juga sebaliknya sekiranya persekitaran mendorong ke arah keburukan, maka mereka akan terpengaruh dengan keburukan. Menurut Nur Farihah dan Khazri (2020), sifat manusia itu berkait rapat dengan perjalanan hidup mereka dan hasil didikan manusia sekeliling. Oleh itu, didapati pelbagai faktor boleh mempengaruhi pelaksanaan ibadah seseorang. Setiap faktor itu mempunyai fungsi tersendiri dalam meningkatkan penghayatan dalam beribadah seseorang. Walau bagaimanapun, menurut Bakti (2018), kekuatan rohani tetap akan menentukan kecenderungan seseorang itu sama ada mengikuti perkara yang negatif maupun positif.

Menurut Mohammad Fahrur dan Achmad (2018), jati diri seseorang mencerminkan sikap dan akhlak seseorang. Jati diri memupuk kekuatan jasmani dan rohani yang membentuk keperibadian seseorang individu. Menurut Hestu (2018) dan Siti Halimah (2020), jati diri ini dibentuk daripada persekitaran seseorang merangka kecenderungan sifat peribadi mereka. Ramai tokoh-tokoh besar seperti Imam Al-Ghazali di dalam kitab karangannya bertajuk *Ihya' Ulumuddin* yang menitik beratkan bahawa amalan dan pelaksanaan dalam ibadah itu membina jati diri seseorang. Oleh yang demikian, seseorang yang sentiasa melaksanakan ibadahnya lebih cenderung mempunyai jati diri yang utuh dan akhlak yang baik. Menurut Anwar et al., (2019), cara beribadah seseorang adalah menggambarkan jati dirinya kerana ia merupakan lambang kesempurnaan hak dengan Allah SWT. Disamping itu, ibadah juga adalah tanda seseorang itu mensyukuri nikmat yang telah diberi oleh Allah SWT dan bukti penghambaan diri kepada Allah SWT.

Kesimpulannya, ibadah-ibadah khusus seperti solat fardhu, puasa di bulan Ramadhan, membaca al-quran, berzikir dan berdoa adalah penghubung manusia dengan Pencipta jika ia dilakukan dengan istiqamah, berterusan dan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Allah SWT menjanjikan ganjaran yang hebat kepada hamba-Nya yang taat akan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Allah SWT juga akan melimpahi nikmat rezeki dan kebaikan yang tidak terhingga kepada hamba-Nya yang mematuhi suruhan-Nya (Siti Halima, 2020). Namun begitu, melakukan ibadah itu tidak cukup sekadar melakukannya sahaja. Ia perlu disertakan dengan penghayatan dan melakukan ibadah secara istiqamah. Hal yang demikian adalah sebagai tanda manusia itu mensyukuri nikmat yang diberikan Allah SWT. Manusia juga akan merasa rendah diri dan sentiasa berserah kepada Allah SWT dalam setiap perbuatan yang dilakukan kerana sifat manusia itu terbatas dan sentiasa memerlukan pertolongan dan rahmat daripada Allah SWT. Kebaikan daripada pelaksanaan ibadah akan menjadikan manusia itu lebih baik dan memberi kesan yang besar dalam kehidupan sama ada dari segi rohani maupun jasmani..

METODOLOGI

Kajian deskriptif ini menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan untuk mengkaji tahap amalan dan pelaksanaan ibadah khusus seperti solat fardu, puasa di bulan Ramadhan, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa murid tahap 2 di Sekolah Rendah Agama Paloh Kluang Johor. Sekolah ini dipilih kerana kebanyakan murid di sekolah ini mempunyai latar belakang mempelajari Pendidikan Islam di sekolah. Oleh itu, matlamat kajian ini akan tercapai bagi memfokuskan tahap pelaksanaan ibadah khusus harian murid, mengkaji faktor-faktor yang

mempengaruhi pelaksanaan ibadah khusus harian murid serta mengkaji hubungan pelaksanaan ibadah khusus harian murid dengan jati diri murid.

Sampel kajian telah dipilih secara persampelan rawak dengan mesasarkan murid-murid tahun 4, 5 dan 6 (tahap 2) yang menduduki pembelajaran Pendidikan Islam. Seramai 50 orang murid tahun 4, 5 dan 6 terdiri daripada 24 orang lelaki dan 26 orang perempuan telah terlibat sebagai sampel kajian. Sampel mempunyai perbezaan tahap pencapaian peperiksaan Ibadah iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kesemua sampel adalah beragama Islam dan berlatar belakangkan taraf sosio ekonomi keluarga yang berbeza.

Kajian ini telah menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen yang digunakan merupakan borang kaji selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Roselizam dan Roslan (2020). Oleh yang demikian, pengkaji menyediakan borang soal selidik untuk mengumpul data mengenai tahap pelaksanaan ibadah khusus harian murid dan hubungan antara penghayatan dalam ibadah khusus dengan pembentukan jati diri murid. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0* dengan menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi, min, peratusan dan beberapa bentuk analisis statistik. Pengkaji telah menetapkan satu garis panduan skor min yang dibina berdasarkan garis panduan skor min oleh Jamil (2002) bagi menentukan tahap perlaksanaan berdasarkan konstruk ke atas sampel kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Skor Min Tahap Pelaksanaan

Nilai Skor Min	Tahap Perlaksanaan
1.0 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

(Sumber: Diadaptasi daripada Jamil, 2002)

DAPATAN KAJIAN

Demografi responden

Berdasarkan jadual 2 di bawah, jumlah keseluruhan responden yang menjawab soal selidik adalah seramai 50 orang iaitu 23 orang (46%) adalah responden lelaki dan 27 orang (54%) adalah responden perempuan. Daripada jumlah tersebut, pengkaji telah membahagikan kepada 3 bahagian mengikut tahun. Dapatkan daripada gred mata pelajaran Ibadah yang pernah diduduki menunjukkan majoriti responden memperolehi gred A iaitu seramai 24 orang (48%). Diikuti dengan gred B seramai 18 orang (38%) manakala gred C seramai 8 orang (14%). Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan tiada murid yang gagal dalam mata pelajaran Ibadah. Majoriti murid mendapat keputusan cemerlang (gred A) dan tahap baik (gred B) dalam mata pelajaran Ibadah. Selain itu, hasil dapatan minat responden terhadap mata pelajaran Ibadah, analisis dalam jadual 2 menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 47 orang (94%)

meminati mata pelajaran Ibadah manakala baki 3 orang responden (6%) yang tidak berminat dengan mata pelajaran Ibadah.

Dapatkan kajian menunjukkan pekerjaan ibu bapa / penjaga responden adalah bekerja sendiri iaitu seramai 19 orang (38%). Selain itu, bilangan pekerjaan yang paling sedikit di kalangan ibu bapa / penjaga responden adalah kakitangan swasta iaitu seramai 7 orang (14%). Manakala terdapat 2 pekerjaan mempunyai bilangan yang sama terdiri daripada 12 orang (24%) iaitu kakitangan kerajaan dan tidak bekerja. Akhir sekali, dapatkan kajian menunjukkan majoriti ibu bapa / penjaga responden adalah berpendidikan sehingga sekolah menengah iaitu 28 orang (56%) manakala 18 orang (36%) berpendidikan dari universiti dan 4 orang (8%) yang lain tiada pendidikan formal. Kesimpulannya kebanyakan ibu bapa / penjaga responden adalah mempunyai pendidikan yang formal.

Jadual 2: Demografi responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	23	46
Perempuan	27	54
Gred	Frekuensi	Peratus
A	24	48
B	18	38
C	8	14
Minat Mata pelajaran Ibadah	Frekuensi	Peratus
Ya	47	94
Tidak	3	6
Pekerjaan ibu bapa	Frekuensi	Peratus
Kakitangan kerajaan	12	24
Kakitangan swasta	7	14
Bekerja sendiri	19	38
Tidak bekerja	12	24
Tahap pendidikan ibu bapa	Frekuensi	Peratus
Tiada pendidikan formal	28	56
Sekolah menengah	18	36
Universiti	4	8

Tahap pelaksanaan ibadah khusus harian

Jadual 3: Tahap pelaksanaan ibadah khusus responden.

Ibadah Khusus Harian	Kekerapan	Peratus
Solat Fardhu		
Ya	49	98
Tidak	1	2

Puasa di Bulan Ramadhan		
Ya	34	68
Tidak	16	32
Membaca Al-Quran		
Setiap hari	24	48
Seminggu sekali	14	28
Jarang-jarang	12	24
Berzikir		
Ya	49	98
Tidak	1	2
Berdoa		
Ya	48	96
Tidak	2	4

Merujuk jadual 3, hasil kajian menunjukkan pelaksanaan ibadah khusus harian murid berdasarkan 5 amalan. Seramai 49 orang murid (98%) melakukan solat fardhu lima waktu iaitu subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak. Manakala 1 orang murid (2%) melaksanakan solat fardhu tidak cukup 5 waktu. Selain itu, jadual juga menunjukkan seramai 34 orang murid (69%) berpuasa sempurna 30 hari di bulan Ramadhan dan 16 orang (32%) gagal menuaikan ibadah puasa dengan sempurna. Selain itu, pelaksanaan ibadah khusus harian murid berdasarkan amalan membaca Al-Quran menunjukkan 24 orang murid (48%) membaca al-Quran setiap hari. Manakala 14 orang murid (28%) membaca al-Quran sebanyak seminggu sekali. Namun, masih terdapat murid yang jarang-jarang membaca al-Quran iaitu seramai 12 orang murid (24%). Hal ini menunjukkan membaca Al-Quran masih tidak menjadi amalan sehari-hari murid.

Walaubagaimanapun, dari segi elemen berzikir, majoriti murid mengamalkan zikir dalam kehidupan harian mereka iaitu seramai 49 orang murid (98%) manakala 1 orang murid (2%) gagal melazimi amalan berzikir dalam kehidupan. Amalan yang terakhir dalam pelaksanaan ibadah khusus harian murid adalah amalan berdoa. Dapatkan menunjukkan 48 orang murid (96%) melaksanakan amalan berdoa setiap hari, namun begitu terdapat 2 orang murid (4%) tidak melakukan amalan berdoa setiap hari.

Perbezaan pelaksanaan ibadah khusus harian murid berdasarkan jantina

Ujian-t sampel tak bersandar dilakukan untuk membandingkan tahap pelaksanaan ibadah khusus murid berdasarkan jantina. Hasil analisis ujian-t tak bersandar ditunjukkan di dalam jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Perbezaan pelaksanaan ibadah khusus harian murid berdasarkan jantina

Ibadah Khusus Harian	Jantina	N	Skor Min	Sisihan Piawai
Solat Fardhu	Lelaki	23	1.96	.209
	Perempuan	27	2.00	.000

Puasa di Bulan Ramadhan	Lelaki	23	1.35	.487
Membaca Al-Quran	Perempuan	27	1.30	.465
Berzikir	Lelaki	23	1.70	.765
Berdoa	Perempuan	27	1.81	.879
Berdoa	Lelaki	23	1.00	.000
Berdoa	Perempuan	27	1.04	.192
Berdoa	Lelaki	23	1.00	.000
Berdoa	Perempuan	27	1.07	.267

Jadual 4 di atas menunjukkan hasil perbezaan skor min dan sisihan piawai bagi setiap amalan ibadah khusus harian murid mengikut jantina. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati murid lelaki mempunyai tahap pelaksanaan yang tinggi berbanding dengan murid perempuan berdasarkan tiga amalan ibadah khusus harian iaitu membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Walau bagaimanapun, murid perempuan menunjukkan tahap pelaksanaan yang tinggi berbanding murid lelaki di dalam dua amalan ibadah khusus yang lain iaitu pada amalan solat fardhu serta puasa di bulan Ramadhan.

Kesan pelaksanaan ibadah khusus harian terhadap pembentukan jati diri murid

Jadual 5 di bawah menunjukkan skor mengikut peratusan item bagi kesan pelaksanaan ibadah khusus harian terhadap pembentukan jati diri responden. Bagi item D1 mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menjauhkan diri dari melakukan perkara yang dilarang Allah SWT menunjukkan 3 orang (6%) responden menyatakan setuju manakala 46 orang (92%) menyatakan sangat setuju dengan kenyataan tersebut. 1 orang responden (2%) menyatakan kurang setuju dengan item. Ini menjadikan skor min D1 adalah di tahap tinggi iaitu 4.90 dengan sisihan piawai 0.364. Bagi item D2 menjadikan diri sentiasa tenang menunjukkan 3 orang (6%) responden menyatakan setuju manakala 47 Orang (94%) responden menyatakan sangat setuju dengan item tersebut. Ini menjadikan min bagi item D2 adalah 4.94 dengan sisihan piawai 0.240.

Seterusnya item D3 membentuk diri menjadi pelajar muslim/muslimah yang baik dan D5 memotivasikan diri untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik menunjukkan peratus yang sama dengan 1 orang responden (2%) menyatakan kurang setuju dan setuju manakala 48 orang responden (96%) menyatakan sangat setuju dengan kedua-dua item. Bacaan min adalah sebanyak 4.94 dengan sisihan piawai 0.314. skor min dan sisihan piawai ini juga menunjukkan bacaan yang sama untuk item D10 mengamalkan sifat ihsan kepada makhluk Allah yang lain.

Seterusnya item D4 membentuk diri menjadi anak yang soleh/solehah menunjukkan 1 orang (2%) responden menyatakan setuju dengan kenyataan manakala 49 orang (98%) menyatakan sangat setuju. Hasil skor min bagi item D4 ini adalah 4.98 dengan sisihan piawai 0.141. Didapati juga skor min item D4 adalah sama dengan nilai min di D7 dengan bacaan min dan sisihan piawai yang sama. Bagi item D3 membentuk diri menjadi pelajar muslim/muslimah yang baik dan D5 memotivasikan diri untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik menunjukkan peratus yang sama dengan 1 orang responden (2%) menyatakan kurang setuju

dan setuju manakala 48 orang responden (96%) menyatakan sangat setuju dengan kedua-dua item. Bacaan min adalah sebanyak 4.94 dengan sisihan pawai 0.314.

Seterusnya item D6 Menghindarkan diri dari terjebak dengan unsur-unsur negatif dan D8 menjaga tutur kata dengan baik. menunjukkan peratus yang sama dengan 1 orang responden (2%) menyatakan kurang setuju, 2 orang (4%) responden menyatakan setuju manakala 47 orang responden (94%) menyatakan sangat setuju dengan kedua-dua item. Bacaan min adalah sebanyak 4.92 dengan sisihan pawai 0.340. Terakhir adalah item D9 memelihara hubungan baik dengan rakan-rakan. Item ini menunjukkan 1 orang responden (2%) menyatakan kurang setuju dan setuju dengan kenyataan item. Manakala 48 orang responden (96%) menyatakan sangat setuju dengan item. Skor min menunjukkan sebanyak 4.96 dengan sisihan pawai 0.198.

Sebagaimana yang tertera di dalam jadual 5, min keseluruhan kesan pelaksanaan ibadah khusus harian terhadap pembentukan jati diri murid berada pada tahap tinggi (min 4.94). Dapatkan ini menunjukkan pada pandangan murid, pelaksanaan ibadah khusus harian memberi kesan kepada pembentukan jati diri mereka..

Jadual 5: Kesan pelaksanaan ibadah khusus harian terhadap pembentukan jati diri murid.

Bil	Item	ST S	TS	KS	S	SS	Min	SP
D1	Mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menjauhkan diri dari melakukan perkara yang dilarang Allah SWT	0	0	1 (2%)	3 (6%)	46 (92%)	4.90	.364
D2	Menjadikan diri sentiasa tenang.	0	0	0	3 (6%)	47 (94%)	4.94	.240
D3	Membentuk diri menjadi pelajar muslim/muslimah yang baik.	0	0	1 (2%)	1 (2%)	48 (96%)	4.94	.314
D4	Membentuk diri menjadi anak yang soleh/solehah . Memotivasi diri untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik.	0	0	0	1 (2%)	49 (98%)	4.98	.141
D5		0	0	1 (2%)	1 (2%)	48 (96%)	4.94	.314
D6	Menghindarkan diri dari terjebak dengan unsur-unsur negatif	0	0	1 (2%)	2 (4%)	47 (94%)	4.92	.340
D7	Menjadikan diri lebih berdisiplin dan dapat mengurus masa dengan baik.	0	0	0	1 (2%)	49 (98%)	4.98	.141
D8	Menjaga tutur kata dengan baik.	0	0	1 (2%)	2 (4%)	47 (94%)	4.92	.340
D9	Memelihara hubungan baik dengan rakan-rakan.	0	0	0 -	2 (4%)	48 (96%)	4.96	.198

D10	Mengamalkan sifat ihsan kepada makhluk Allah yang lain.	0	0	1 (2%)	1 (2%)	48 (96%)	4.94	.314
	Purata Min						4.94	.110

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan majoriti murid melaksanakan ibadah khusus harian mereka dengan baik dan di tahap yang tinggi. Kebanyakan murid dapat melaksanakan ibadah harian khusus mereka iaitu menunaikan solat fardhu, berpuasa di bulan Ramadhan, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa dengan baik dan sempurna. Namun begitu, masih terdapat murid yang tidak melaksanakan ibadah khusus mereka dengan baik dan masih perlu diperbaiki. Sejajar dengan pendapat Ibrahim (2019) yang menyatakan, Allah SWT juga telah berfirman di dalam Al-Quran bahawa manusia itu tidak dicipta melainkan untuk beribadah dan menghambakan diri kepada Allah SWT dengan mendirikan solat, menunaikan zakat serta mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Justeru, pada pandangan Islam, tujuan manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepada Allah SWT.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati pada pandangan murid, pelaksanaan ibadah khusus harian memberi kesan kepada pembentukan jati diri mereka. Ini bertepatan dengan pandangan Noorkhairilhuda (2017) yang berpendapat bahawa pelaksanaan ibadah juga merupakan perlakuan yang memberi kebaikan dalam kehidupan seorang Muslim secara mental dan fizikal yang menjadikan mereka lebih dekat dengan Allah SWT. Dapat dilihat dari hasil dapatan kajian, kebanyakan responden sangat setuju dengan kesemua pernyataan item kajian. Hal ini menunjukkan kebanyakan mereka bersetuju jika mereka melaksanakan ibadah dengan sempurna maka ianya akan membentuk jati diri yang baik dalam diri mereka. Menurut Fahrur dan Achmad (2018), jati diri seseorang mencerminkan sikap dan akhlak seseorang. Jati diri memupuk kekuatan jasmani dan rohani yang membentuk keperibadian seseorang individu. Begitu juga dengan pendapat Hestu (2018), jati diri ini dibentuk daripada persekitaran seseorang merangka kecenderungan sifat peribadi mereka. Jika murid melaksanakan ibadah khusus harian mereka dengan baik, maka ia akan menghasilkan jati diri murid yang baik. Sejajar pandangan Ghuzni dan Muhammad Hilmi (2021), ramai tokoh-tokoh besar seperti Imam Al-Ghazali yang menitik beratkan bahawa amalan dan pelaksanaan dalam ibadah itu membina jati diri seseorang.

Dapatan kajian mendapati murid lelaki mempunyai tahap pelaksanaan ibadah yang tinggi berbanding dengan murid perempuan berdasarkan tiga amalan ibadah khusus harian iaitu membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Walau bagaimanapun, murid perempuan menunjukkan tahap pelaksanaan yang tinggi berbanding murid lelaki di dalam dua amalan ibadah khusus yang lain iaitu menunaikan solat fardhu serta puasa di bulan Ramadhan. Oleh yang demikian, penerapan ilmu pengetahuan semasa proses pembelajaran dijalankan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesedaran pelaksanaan ibadah dalam kalangan murid. Dalam kajian Nor Azimah dan Dahlia (2017), Guru adalah medium penting di sekolah dalam mengaplikasikan kaedah dan cara yang sesuai dalam meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran.

KESIMPULAN

Pelaksanaan ibadah khusus harian murid amat perlu dititik beratkan dalam kehidupan murid. Namun begitu, hakikatnya pada hari ini, kepentingan pelaksanaan dalam ibadah semakin tidak diendahkan terutamanya di kalangan remaja. Malahan, masih ada murid yang beranggapan pendidikan agama secara formal adalah untuk memenuhi keperluan silibus pendidikan dan untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak-pihak jabatan pendidikan agama tertentu seperti JAKIM dan JPN untuk meningkatkan pelaksanaan ibadah dalam kalangan murid. Sebagai contoh, JAKIM telah mengeluarkan modul pelaksanaan ibadah murid yang dijadikan sebagai rujukan kepada murid untuk melaksanakan ibadah dengan baik. Namun begitu, inisiatif tersebut masih tidak berkesan sepenuhnya kerana modul tersebut tidak diaplikasikan kepada keseluruhan murid. Hanya murid-murid tertentu sahaja yang menggunakan modul tersebut untuk memenuhi silibus pembelajaran.

Keinginan untuk meningkatkan jati diri murid yang *syumul* mungkin tidak dapat dipenuhi sekiranya pelaksanaan ibadah mereka masih ditahap yang membimbangkan. Walau bagaimanapun, sikap menunding jari antara satu sama lain tidak akan menjadi jalan penyelesaian dalam sesuatu permasalahan. Oleh itu, Kerjasama pelbagai pihak diperlukan untuk memupuk jiwa murid dalam melaksanakan ibadah dengan baik. Jabatan-jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk mengelola sistem pendidikan agama negara ini perlu menggalas tanggungjawab ini dengan penuh kesungguhan. Penilaian dan penambah baikkan perlu dilaksanakan bagi memastikan tindakan yang dirancang itu berjalan mengikut kesesuaian dan berkesinambungan dengan sistem pendidikan negara yang terkini. Pelbagai usaha perlu dimurnikan dengan penyusunan strategi yang betul agar semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan berterusan

RUJUKAN

- Abdullah. 2019. Pengajian Remaja dan Kontribusinya dalam Pembentukan Akhlak Generasi Muda di Mushollah Al-Fath Lebak Jaya Utara 4 Rawasan Surabaya. *Jurnal Program Studi PGMI*. 6(2): 231-248.
- Ahmad Yani. 2018. Analisis Zikir dan Doa Bersama. *Jurnal Madani* 1(1): 33-54.
- Anwar Ibrahim, Muhammad Sarbini & Ali Maulida. 2019. Implementasi Metode Pembiasaan Shalat Tahajud dan Puasa Senin-Kamis pada Pembentukan Akhlak Karimah di Sekolah Unggulan Islami (SUIS) Leuwiliang Bogor. *Prosiding Al-Hidayah Pendidikan Agama Islam*, hal. 130-143.
- Arfah Ibrahim. 2017. Eksistensi Majelis Zikir dan Pembentukan Akhlak Generasi Muda Kota Banda Aceh. *Substantia Jurnal* 19(2): 119-133.
- Ashif Az Zafi. 2020. Pemahaman dan Penghayatan Peserta Didik tentang Ibadah dalam Pembelajaran Fiqih di MI Manafiul Ulum Gebog Kudus. *Elementary* 6(1): 47-58
- Asrul Busra. 2018. Peranan Orang Tua terhadap Pembinaan Akhlak Anak. *AL-WARIDA: Jurnal Kajian Perempuan, Gender dan Agama* 12(2): 123-130.
- Ghuzni & Muhammad Hilmi. 2021. Standard Kualiti Solat Pemangkin Kecemerlangan Akademik: Satu Kajian di Kulliah As-Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang Darul Makmur. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 10(2): 102-129.

- Hestu Nugroho Warasto. 2018. Pembentukan Akhlak Siswa. *Jurnal Mandiri: Ilmu Pengetahuan, Seni dan Teknologi* 2(1): 65-86
- Kasmaizun Enuni & Kamariah. 2017. Nilai Islam dalam Teks Misa Melayu. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu* 5(1): 101-125.
- Mardiana, Wiwik Haryati & Basri Nurin. 2019. Korelasi antara Pengamalan Ibadah Shalat dengan Akhlak Siswa. *Ta'lim* 1(1): 1-12.
- Mohammad Fahrur Rozi & Achmad Resa Fachrizi. 2018. Internalisasi Nilai-Nilai Pendidikan Agama Islam dalam Pembentukan Perilaku Sosial Keagamaan Masyarakat Desa Ponteh Pasca Pilkada Pemekasan. *Aspirasi: Jurnal Ilmiah Administrasi Negara* 4(2): 1-8.
- Muhammad Fikri. 2017. Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Master Dissertation*. Universiti Teknologi Malaysia. 2017. <http://eprints.utm.my/id/eprint/78784/>.
- Noorkhairilhuda. 2017. Kajian Tahap Penghayatan Pendidikan Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Swasta di Selangor. *Jurnal Al-Sirat* 1(16): 73-85.
- Nor Azimah Ariffin & Dahlia Janan. 2017. Keberkesanan Kaedah Pengajaran Bersama dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Murid Tingkatan 4. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 12: 59-65.
- Nor Hayati, Adibah Hasanah & Bani Hidayat. 2018. Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Semester 1, Satu Kajian di Politeknik Banting Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 2(2): 1-13.
- Nur Fariyah Mohd Saaid & Khazri Osman. 2020. Kerelevan Asmaul Husna terhadap Pembentukan Peribadi Muslim. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences* 3(2): 20-27
- Nurul Azira Sapian, Zamri Mahamod & Irma Mahad. 2021. Penglibatan Murid-Murid Sekolah Kebangsaan di Kawasan Bandar dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Daripada Persepsi Guru Bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(2): 80-97.
- Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff. 2018. Pembentukan Jati Diri Remaja melalui Pembelajaran Persekutaran Sosial: Analisis menurut Perspektif A-Quran. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 5(2): 216-230.
- Roselizam Daud & Roslan Ab Rahman. 2020. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 124-140.
- Siti Halimah. 2020. Nilai-Nilai Ibadah Puasa yang Terkandung dalam Kitab Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu Karya Wahbah Az-Zihaili dan Implikasinya terhadap Pendidikan Karakter. *Journal of Islamic Education* 5(2): 100-117.
- Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman & Asri Md Saman @ Osman. 2019. Pembangunan Model Kandungan Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam: Satu Analisa Keperluan. *Jurnal IPDA* 26(1): 152-160.